



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR diperkenalkan kepada pelayar-pelayar yang bertanding dalam Piala Monsun ketika berkenan hadir merasmikan Piala Monsun 2016 di Puteri Harbour Marina, Iskandar Puteri semalam. Turut hadir Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim. - BERNAMA

Sultan Johor rasmikan Piala Monsun

ISKANDAR PUTERI - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan merasmikan Piala Monsun 2015/2016 yang berlangsung di Puteri Harbour Marina di sini bermula hari ini hingga 30 Januari depan.

Berangkat sama, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim sambil diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Kejohanan yang disertai 12 pasukan dari seluruh dunia itu akan menjadi medan penentuan bagi pelayar merebut gelaran juara dunia World Match Racing Tour (WMRT), musim ini.

Selain menawarkan hadiah lumayan RM1.5 juta, pemenang Piala Monsun musim ini juga akan menerima Piala Tunku Laksamana Johor yang mula diperkenalkan melalui penganjuran kejohanan musim lalu.

Sementara itu, pelayar negara,



Hazwan Hazim Dermawan berkata, pihaknya tidak meletakkan sasaran tinggi dalam kejohanan ini kerana mereka bakal bersaing dengan jaguh pelayar dunia.

"Harapan kami musim ini adalah untuk menamatkan kemarau pasukan tempatan tanpa mendapat sebarang mata sepanjang menyertai kejohanan ini.

"Penyertaan dalam kejohanan musim ini juga akan digunakan sebaiknya untuk memimba pengalaman," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Kejohanan di Puteri Harbour Marina ini menyaksikan tiga pelayar bersaing secara dekat dalam merebut gelaran juara dunia iaitu Ian Williams dari pasukan GAC Pindar dengan kutipan 90 mata.

Kedudukan pendahulu Williams bagaimanapun diekori rapat oleh Bjorn Hansen dari pasukan Nautiska Racing (88 mata) dan Taylor Canfield dari pasukan US One (85 mata).

Bagi merencanakan lagi penganjuran kejohanan musim ini, pelbagai aktiviti turut diadakan antaranya simulator perahu layar yang memberi peluang kepada pengunjung mengemudi perahu layar.

Turut disediakan termasuk dua layar gergasi di sekitar kawasan Puteri Harbour Marina dan 40 skrin mini bagi kemudahan pengunjung menyaksikan kejohanan yang sedang berlangsung.